

Soalan 6: Petikan Umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Malaysia merupakan antara destinasi pelancongan yang kerap dikunjungi saban tahun. Antara tarikan utama di Malaysia ialah ekopelancongan yang memukau dan menambat hati ramai pelancong luar negara. Faktor yang mendorong mereka datang ke negara kita adalah untuk melihat keindahan alam semula jadi di sini. Hutan di Malaysia masih dianggap hebat dan cantik. Pelancong luar suka *mengecapi keindahan* alam semula jadi, tinggal di kampung-kampung dan merasai suasana di luar bandar.

Malaysia sudah terkenal sebagai destinasi ekopelancongan utama dunia. Dari Pulau Langkawi di Kedah hingga Pulau Sipadan di Sabah, keindahan flora dan fauna yang dimiliki negara sukar ditandingi negara lain. Malaysia juga memiliki hutan tertua di dunia iaitu Hutan Belum di Perak yang berusia lebih daripada 130 juta tahun dan lebih tua daripada Hutan Amazon.

Dipetik dan diubah suai daripada,
Sinar Harian, 31 Mac 2019.

Bahan 2

Aktiviti pelancongan diakui sangat berpotensi tinggi, malah memainkan peranan cukup besar dalam membantu menjana pembangunan ekonomi negara. Namun, dalam melonjak potensi sektor ini, tumpuan tidak bolch terarah kepada pelancong luar negara semata-mata. Sebaliknya, kehadiran pelajar asing yang melanjutkan pengajian di negara ini turut membantu melonjakkan potensi sektor ini. Realitinya, kecenderungan pelajar asing ke sesebuah destinasi, termasuk Malaysia bukan hanya dipengaruhi kualiti Institusi Pengajian Tinggi (IPT) negara, sebaliknya turut didorong penawaran faktor budaya lokal kenegerian yang sememangnya memiliki kepelbagaian dan keunikan etnik serta budaya.

Hakikat perlu diterima, kehadiran pelajar asing bukan sekadar menuntut ilmu, namun pada masa sama mereka menggunakan peluang berada di negara ini untuk melancong dan meneroka keunikan budaya setempat.

Dipetik dan diubah suai daripada,
Berita Harian, 25 Mac 2021.

1103/2SULIT

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *mengecapi keindahan*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor-faktor yang mendorong pelancong asing datang ke negara kita.
[3 markah]
- (iii) Pelbagai pihak memainkan peranan penting dalam meningkatkan industri pelancongan negara agar dapat bersaing dengan negara lain.
Pada pendapat anda, nyatakan peranan pelbagai pihak dalam usaha menarik kehadiran pelancong ke negara kita.
[3 markah]
- (iv) Abang anda mengusahakan industri pelancongan inap desa. Namun, inap desa yang diusahakan kurang mendapat sambutan daripada pelancong.
Sebagai adik yang prihatin, bagaimanakah anda dapat membantu mempopularkan industri inap desa tersebut?
[4 markah]

Soalan 6: Petikan Umum

Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Pada era pascamerdeka ini, negara kita semakin disanjung tinggi oleh negara-negara lain. Hal ini dikatakan demikian kerana negara kita berjaya mencapai kemajuan dalam pelbagai aspek. Dalam konteks ini terdapat beberapa faktor mendorong kemasukan pelancong luar ke negara kita termasuklah kemudahan pengangkutan yang semakin maju. Antara kemudahan pengangkutan yang terdapat di negara kita termasuklah Transit Aliran Ringan (LRT), monorel, kereta api elektrik, teksi dan bas. Pada masa yang sama, kemudahan membeli-belah yang disediakan juga menggalakkan pelancong berkunjung ke Malaysia. Mereka dapat berbelanja atau mendapatkan cenderamata untuk dibawa pulang ke negara mereka. Barang-barang yang terdapat di situ juga dijual pada harga yang berpatutan.

Di samping itu, pantai-pantai dan pulau-pulau yang masih belum tercemar merupakan aset penting dalam industri pelancongan. Kemajuan industri pelancongan tanah air turut dibantu oleh wujudnya keunikan budaya di negara kita kerana Malaysia merupakan sebuah negara yang memiliki masyarakat majmuk. Dalam hal ini, gabungan budaya masyarakat Melayu, Cina dan India telah berjaya meningkatkan kunjungan pelancong asing ke Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Tumpuan Pelancong'
oleh Sofea Suhaimi,
Dewan Siswa, Oktober 2015

Bahan 2

Dalam usaha mempromosikan keindahan pulau-pulau di Malaysia, kerajaan akan menjadikan industri pelancongan sebagai *sumber perolehan* baharu dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa. Pengumuman langkah-langkah proaktif ekonomi baru-baru ini, telah menyaksikan peruntukan tambahan RM80 juta untuk memperhebat aktiviti promosi pelancongan dalam pasaran terpilih termasuklah di negara-negara ASEAN, China dan India. Langkah ini melibatkan program yang dapat membangunkan produk ikonik termasuklah memberikan nafas baharu kepada Muzium Negara, Tugu Negara dan Taman Tasik Perdana yang seterusnya, menjadikan tempat tersebut sebagai satu destinasi yang lebih menarik dan mudah dikunjungi oleh pelawat.

Kerajaan juga melancarkan Kempen Cuti-Cuti Malaysia untuk menggalakkan kedatangan pelancong. Industri pelancongan memainkan peranan penting bagi memperkukuh kepelbagaian ekonomi Malaysia yang telah memanfaatkan rakyat secara keseluruhannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Sektor pelancongan beri sumbangan ketara kepada ekonomi negara'
Berita Harian, Oktober 2015

1103/2SULIT

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *sumber perolehan*. [2 markah]

- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kemasukan pelancong luar ke negara kita. [3 markah]

- (iii) Aktiviti melancong merupakan salah satu aktiviti riadah yang menarik. Kita boleh memilih untuk melancong di dalam negara atau di luar negara.

Pada pendapat anda, apakah faedah-faedah melancong?

[3 markah]

- (iv) Anda telah pergi melancong bersama dengan keluarga di sebuah kawasan pelancongan. Namun, banyak kemudahan di kawasan pelancongan tersebut tidak dapat digunakan akibat perbuatan segelintir pengunjung yang tidak bertanggungjawab.

Sebagai pengunjung yang prihatin, cadangkan tindakan-tindakan yang dapat dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

[4 markah]

- 6 Baca Bahan 1 dan Bahan 2 di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Bahasa memainkan peranan yang penting dalam kehidupan masyarakat. Bahasa yang baik dan mudah difahami serta boleh dituturkan oleh masyarakat seperti bahasa Melayu mampu menjadi bahasa perpaduan negara. Hal ini dapat dilihat sejak negara mencapai kemerdekaan dan hingga kini peranan ini telah dilaksanakan oleh bahasa Melayu dengan berkesan dan berjaya.

Pembangunan dan kemajuan yang sempurna dalam kehidupan masyarakat semuanya bermula daripada penggunaan bahasa Melayu di negara ini. Paduan antara pembangunan dengan kemajuan kerohanian dan kebendaan mestilah bermula dengan penggunaan bahasa yang betul, tepat dan berkesan. Sebenarnya bahasa merupakan satu daripada pencapaian terawal dalam tamadun manusia.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa bahasa Melayu telah memainkan peranan yang penting dan berkesan untuk mengukuhkan perpaduan masyarakat. Sebagai bahasa kebangsaan, bahasa Melayu yang berdaulat telah berjaya memupuk perpaduan murid di peringkat sekolah dan institusi pengajian tinggi. Semua hal itu telah dilaksanakan secara berperingkat oleh bahasa Melayu sejak tahun 1957.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa dan Budaya Mengeratkan Perpaduan Kaum'
oleh Aminudin Mansor
Dewan Bahasa, 11 Februari 2022

5

Powered by CamScanner

Powered by CamScanner

MI Y205

Bahan 2

Bahasa Melayu dalam era moden perlu dinantikan dan diperkemas untuk menjadikannya lebih relevan dalam pelbagai bidang sains dan agar mampu diterima oleh orang ramai. Perolehan bahan dan buku yang berkaitan dengan teknologi maklumat diperlukan dan bahan sains dan teknologi juga perlu diperkembangkan.

Selain itu, hasil usaha pemencapaian lisan dan tulisan bahasa Melayu telah berkembang pesat dan kini telah menjadikannya sebagai bahasa lisan yang menggunakan perkongsian idea sama ada secara bersemuka mahupun di ruang maya. Dalam hal ini, kehadiran dalam kalangan peminat bahasa Melayu yang terdidi sejak di sekolah rendah, menengah dan universiti terhadap bahasa Melayu perlu diperbetas dari masa ke masa. Keadaan ini mampu menjelkan bahasa Melayu bahasa pertalian pada setiap hari dalam pelbagai acara dan juga sebagai alat komunikasi yang berkesan dalam mengamalkan perpaduan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Cabaran Terkini Bahasa Melayu Moden'
oleh Amiruddin Mansor
Dewan Bahasa, 14 Jun 2021

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkai kita secara berperingkat. [2 markah]
- (ii) Dalam kedua-dua bahan, penulis telah menyatakan beberapa fungsi bahasa Melayu. Apakah fungsi tersebut? [3 markah]
- (iii) Terdapat pelbagai langkah yang boleh dilaksanakan oleh ibu bapa bagi memastikan rasa cinta terhadap bahasa Melayu terbentuk dalam diri anak-anak. Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang wajar dilakukan oleh ibu bapa? [3 markah]
- (iv) Salah seorang sahabat anda sering menggunakan bahasa rojak. Sebagai seorang pencinta bahasa Melayu, anda ingin menggalakannya bertutur dalam bahasa Melayu yang betul. Nyatakan tindakan-tindakan yang perlu anda lakukan. [4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

6. Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Tugas untuk memperkasakan dan memartabatkan bahasa Melayu bukanlah suatu tugas yang mudah, namun tugas ini tidak mustahil untuk dilakukan. Terdapat beberapa cabaran yang dilihat berkemungkinan dapat merencanakan usaha pemerkasakan bahasa Melayu termasuklah cabaran bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi, cabaran bahasa Melayu pada zaman sains dan teknologi dan cabaran bahasa Melayu terhadap sikap penuturnya.

Dalam hal ini, IPT mempunyai keupayaan untuk menangani cabaran yang telah disenaraikan itu. Sebagai pusat pengembangan ilmu, IPT seharusnya menjalankan pelbagai program dan usaha untuk mengubah sikap penutur bahasa Melayu, memperkaya bahasa Melayu serta mengintegrasikan bahasa Melayu pada zaman teknologi maklumat dan komunikasi yang semakin berkembang ini.

Dipetik dan diubah suai daripada
'IPT Disarankan Memperkasakan Bahasa',
Pelita Bahasa, Bil. 8 2020


Bahan 2

Usaha memperkasakan bahasa Melayu dalam sistem pendidikan perlu digembleng secara bersepadu supaya bahasa ini bergerak seiring dengan kepantasan era teknologi maklumat dan komunikasi serta kemajuan negara. Pihak sekolah perlu melaksanakan pelbagai aktiviti kebahasaan dan kesusasteraan Melayu supaya bahasa Melayu kekal relevan berdepan dengan cabaran semasa.

Dalam hal ini, guru dan pelajar sewajarnya menggunakan bahasa Melayu yang baik dengan betul semasa sesi pengajaran bahasa Melayu di sekolah dan diteruskan hingga luar sekolah. Kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu yang menarik *mampu mendorong* pelajar untuk menguasai bahasa Melayu dengan lebih baik, di samping memupuk minat mereka mencintai bahasa Melayu yang suatu ketika dahulu pernah menjadi *lingua franca* pedagang dari serata dunia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kekalkan Kecemerlangan Bahasa Melayu dalam Pendidikan'
Pelita Bahasa, Bil.12 2020

1103/2©2022 Hak Cipta MPSM Kelantan

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]

SULIT

5

1103/2

- i. Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud frasa *mampu mendorong*. [2 markah]
- ii. Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk memastikan bahasa Melayu kekal relevan dan mampu berdepan cabaran? [3 markah]
- iii. Bahasa Melayu mampu dijadikan sebagai bahasa yang digunakan oleh semua pihak untuk menjalankan urusan perniagaan.
Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan bahasa Melayu yang lain kepada masyarakat dan negara? [4 markah]
- iv. Ketidacaknaan warga sekolah terhadap penggunaan bahasa Melayu yang baik dengan betul telah menjejaskan hasrat sekolah untuk melahirkan pelajar yang mampu menggunakan bahasa Melayu dengan baik dalam semua situasi.

Sebagai Pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, nyatakan cadangan-cadangan anda untuk memperkasakan penggunaan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan warga sekolah anda.

[4 markah]

Soalan 6 – Petikan Umum

Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan telitinya. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Yang dihormati Pengerusi Majlis, Yang Berusaha Tuan Guru Besar Sekolah Kebangsaan Kuala Nerang Cikgu Shohaimi bin Abu Bakar, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru sekolah ini Tuan Haji Syed Ibrahim bin Syed Mokhtar, guru-guru, ibu bapa dan murid-murid sekalian. Assalamualaikum dan selamat sejahtera. Pada pagi yang indah ini saya merakamkan jutaan terima kasih kepada pihak sekolah kerana memberi saya peluang menyampaikan ceramah sempena sambutan Minggu Alam Sekitar yang sedang berlangsung di sekolah ini. "Kita Sihat Tanpa Pencemaran" menjadi tema kempen sambutan Minggu Alam Sekitar pada tahun ini.

Kualiti udara semakin tercemar,
pembakaran terbuka menjadi punca,
mata pedih pandangan samar,
ambil tindakan atasi segera

SULIT

YIK - BAHASA MELAYU TKT 5 - PERCUBAAN 2022

5

Bahan 2

Persoalannya, apakah punca-punca berlakunya pencemaran udara? Pencemaran udara disebabkan oleh faktor semula jadi dan aktiviti-aktiviti manusia. Letusan gunung berapi dan El Nino ialah faktor semula jadi. Manakala, kegiatan manusia pula termasuklah kegiatan pembakaran terbuka, kebakaran hutan, pelepasan asap kenderaan dan asap kilang serta aktiviti kuari. Malah asap rokok juga menjadi punca kepada tercemarnya udara di sekeliling kita. Namun demikian faktor semula jadi pencemaran udara *tidak kerap berlaku*. Mari kita lihat peratusan aktiviti yang kita lakukan yang menyumbang kepada pencemaran udara.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Pencemaran Udara', *Open Universiti*,
Fakulti Pendidikan dan Bahasa

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud rangkai kata *tidak kerap berlaku*.
[2 markah]
- (ii) Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan punca pencemaran udara.
[3 markah]
- (iii) Kemajuan dunia alaf baharu memberi impak kepada alam sekitar iaitu pencemaran.
Pada pendapat anda, apakah impak negatif yang terpaksa ditanggung oleh manusia akibat pencemaran?
[3 markah]
- (iv) Kerajaan telah melarang rakyat melakukan pembakaran terbuka namun ada juga pihak yang mementingkan diri sendiri tidak akur kepada larangan itu.
Apakah tindakan yang akan anda lakukan apabila mendapati pembakaran terbuka berlaku di tempat tinggal anda?
[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN*[35 markah]*

- 6 *Baca semua bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*


Bahan 1

Terdapat lebih 200 penyakit yang boleh diklasifikasikan sebagai penyakit mental termasuklah kemurungan. Kemurungan merupakan salah satu tanda kerisauan apabila emosi seseorang itu berubah, sama ada dirinya berasa tidak puas hati, sedih, bimbang, terasa kehilangan, tertekan dan sebagainya yang membolehkan emosinya terganggu. Dalam hal ini, semua manusia pernah dan akan mengalaminya. Apa-apa yang membezakannya ialah ketidakstabilan emosi yang dialami oleh penghidapnya sama ada untuk tempoh jangka pendek atau berlarutan hingga tempoh yang lebih lama, iaitu melebihi tempoh dua minggu.

Kemurungan merupakan penyakit psikologi serius yang boleh memberikan kesan terhadap fikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang. Keadaan ini turut mengganggu rutin harian sama ada di rumah atau di pejabat. Secara saintifiknya, kemurungan terjadi kerana ketidakseimbangan atau kekurangan neurotransmitter yang penting dalam fungsi otak dan saraf. Selain itu, hal ini juga berkait rapat dengan ketidakseimbangan regulasi hormon seperti hormon kortisol dan tiroid selain faktor genetik.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Jangan Biarkan Mental Membunuh !'
oleh Asmat Fikri
Dewan Masyarakat, Bil. 06/2021

Graf Kadar Kerisauan Pekerja & Majikan Sepanjang Krisis Pandemik COVID-19



Dipetik dan diubah suai daripada
'Gelombang Ketiga COVID-19, Apa Cerita Kesihatan Mental Pekerja, Majikan?'
oleh Erda Khursyah Basir
Bernama, 14 Oktober 2020

Bahan 3

Di Malaysia, gelombang ketiga COVID-19 kini melanda negara dan pada 1 Jun lalu, kerajaan bertindak mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh bagi melindungi sistem kesihatan negara. Dalam kesibukan kita memikirkan aspek kesihatan fizikal, banyak pihak lupa tentang kesihatan mental yang turut terjejas akibat pandemik ini. Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi (NHMS) 2019 menunjukkan setengah juta atau 2.3 peratus rakyat Malaysia mengalami simptom tekanan atau kemurungan.

Umum mengetahui bahawa banyak perniagaan yang dikategorikan sebagai tidak mustahak diarahkan untuk tidak beroperasi sepanjang PKP. Oleh itu, banyak pekerja yang terpaksa diberhentikan kerja sekali gus mengakibatkan mereka hilang punca pendapatan. Dalam hal ini, orang yang menganggur akan rasa terbeban, sekali gus mendedahkan mereka kepada kemurungan atau kegelisahan. Kemurungan yang tidak terkawal menyebabkan mereka berasa tidak yakin dan tidak selamat. Selain itu, kemurungan yang berpanjangan akan menjejaskan kesihatan mental pesakit tersebut.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Apa Khabar Mental Kita?'
oleh Siti Rahayu Abd Samad
Dewan Masyarakat, Bil. 08/2021

[Lihat halaman sebelah
SULIT

1103/2 – Modul Perkembangan Pembelajaran 3 (MPP 3)/2022

SULIT

7
1103/2

- Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan dua persamaan emosi mereka yang sedang dilanda kemurungan.
[2 markah]
- Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 3**, apakah kesan yang terjadi kepada individu yang mengalami kemurungan?
[3 markah]
- Setiap kali keputusan peperiksaan awam diumumkan, wajah murid-murid yang tidak cemerlang begitu sugul dan murung. Dalam hal ini, ibu bapa berperanan untuk memulihkan semangat anak-anak.
Pada pendapat anda, apakah peranan-peranan ibu bapa untuk membantu anak-anak yang menghadapi situasi tersebut?
[4 markah]
- Murid-murid di seluruh negara sangat gembira apabila mereka dibenarkan hadir ke sekolah secara bersemuka selepas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan. Namun begitu, rakan baik anda selalu ponteng kelas kerana dia berasa tertekan akibat ketinggalan dalam pelajaran semasa sesi Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR).
Selain berjumpa dengan guru kelas, nyatakan tindakan-tindakan anda untuk membantu rakan anda tersebut.
[4 markah]

- 6 Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Betik atau *Caprica papaya* tergolong dalam herba gergasi yang boleh mencapai ketinggian sehingga 10 meter. Di Malaysia, pengamal perubatan tradisional Melayu menggunakan buah betik yang telah dikeringkan dan dikisar menjadi serbuk untuk merawat masalah buasir, manakala buah betik yang muda dijadikan jus untuk mengawal masalah tekanan darah tinggi. Petua lain seperti jus kisaran daun betik berupaya melegakan sakit kepala, meredakan demam panas dan merawat asma. Daun betik juga dijadikan satu daripada ramuan herba untuk merawat kecacingan, penyakit kulit, mengurangkan sakit gastrik dan digunakan sebagai bahan mandian wanita selepas bersalin.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Betik Kontraseptif Semula Jadi'
oleh Chee Beng Jin,
Dewan Kosmik, Bil. 5/2020

Bahan 2

Nama saintifik bagi pokok kerdas ialah *Archidendron bubalinum*. Pokok ini tergolong dalam keluarga Fabaceae, dan berkongsi keluarga yang sama dengan pokok jering (*Archidendron jiringa*). Pokok kerdas ialah pokok saka, iaitu pokok yang hidup lebih daripada semusim atau setahun dan malar hijau pada sepanjang tahun. Batang pokok kerdas dapat dijadikan sebagai kayu api serta papan lantai rumah dan bot. Dalam perubatan tradisional, buah kerdas dikatakan mampu merawat peringkat awal sakit jantung dan *mengurangkan paras glukosa* di dalam darah bagi penyakit kencing manis. Penggunaan buah kerdas sebagai ulam perlu dikawal. Buah ini tidak boleh diambil secara berlebihan atau kerap kerana dapat menyebabkan kegagalan buah pinggang.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pokok Kerdas Rawat Keracunan Makanan'
oleh Mohd Nasir Mat Nor,
Dewan Kosmik, Bil. 3/2019

1103/2

7

1103/2

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud rangkai kata *mengurangkan paras*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, berikan kepentingan kedua-dua tumbuhan tersebut kepada masyarakat.
[3 markah]
- (iii) Malaysia kaya dengan pelbagai pokok herba yang mempunyai pelbagai khasiat sebagai alternatif kepada ubat-ubatan moden.
Pada pendapat anda, apakah peranan yang boleh diambil oleh semua pihak bagi mempopularkan penggunaan ubat-ubatan berasaskan herba ini?
[4 markah]
- (iv) Rakan anda terlalu mempercayai perubatan tradisional sehingga menolak perubatan moden, sedangkan penyakit yang dideritainya memerlukan rakan anda mendapatkan rawatan di klinik atau di hospital.
Sebagai rakan yang prihatin, nyatakan langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk menyakinkannya tentang perubatan moden.
[4 markah]

BAHAGIAN B: PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 *Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

Bahan 1

Perkembangan sektor pelancongan kesihatan di Malaysia bermula sejak tahun 1990-an. Terdapat dua kategori utama perkhidmatan pelancongan kesihatan di Malaysia, iaitu pelancongan perubatan dan pelancongan kesejahteraan.

Antara hospital yang menjadi pilihan pelancong kesihatan termasuklah Institut Jantung Negara, Hospital Pakar KPJ Damansara, Sunway Medical Centre, Petaling Jaya, International Specialist Eye Centre, Kuala Lumpur dan Gleneagles Medical Centre, Pulau Pinang. Kos rawatan yang kompetitif dan fasiliti perubatan moden ialah faktor tarikan utama pelancong untuk datang mendapatkan rawatan di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kos kewangan bagi rawatan di Malaysia adalah relatif lebih murah berbanding dengan kos kewangan di negara lain seperti kos di Amerika Syarikat. Selain itu, tukaran mata wang asing dengan ringgit yang mempunyai nilai yang lebih rendah juga menjadi daya tarikan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Malaysia Destinasi Pelancongan Kesihatan Bertaraf Dunia'
oleh Zurina Kefeli@Zulkefli
Dewan Budaya, Bil.1/2021

1103/2

CamScanner

Bahan 2**Pelancongan Kesejahteraan Berpotensi di Malaysia**

Oleh : Norshazlina Nor'azman

Industri kecerdasan dan kesejahteraan berpotensi menjadi sumber pendapatan lumayan bagi sektor pelancongan di Malaysia. Malaysia perlu mencuba untuk menguasai sebahagian daripada pasaran dengan membangunkan pelancongan kesejahteraan atau *wellness tourism* seiring pelancongan kesihatan yang dipromosi secara agresif. Pelancongan kesihatan yang diperkenalkan di Malaysia pada 1998, adalah antara strategi kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi ketika berlakunya krisis ekonomi Asia.

Pelancongan kesihatan atau perubatan memberi tumpuan kepada penjagaan kesihatan seperti mendapatkan rawatan, menjalani pembedahan atau pemeriksaan kesihatan di hospital swasta. Pelancongan kesihatan hendaklah meluaskan lagi konteks tersebut dengan memasukkan aspek kesejahteraan. Yoga dan aktiviti kerohanian serta minggu kecerdasan, yang dianjurkan di Malaysia secara berjadual boleh menarik pelancong dari seluruh dunia yang berminat melakukannya.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Pelancongan Kesejahteraan Berpotensi di Malaysia'
oleh Norshazlina Nor'azman
Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, senaraikan dua jenis perkhidmatan pelancongan kesihatan yang boleh dimajukan di Malaysia.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan faktor yang mendorong pelancong mendapatkan perkhidmatan kesihatan di Malaysia.
[3 markah]
- (iii) Malaysia mempunyai pelbagai keistimewaan seperti tempat-tempat sejarah yang unik, kepelbagaian budaya dan keindahan alam semula jadinya yang menjadi faktor pendorong kepada kedatangan pelancong ke negara kita. Selain itu, perkhidmatan kesihatan yang disediakan juga dapat menarik kedatangan pelancong dari luar.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan positif kedatangan pelancong ke negara Malaysia?
[4 markah]
- (iv) Keluarga anda bercadang untuk mendapatkan perkhidmatan pelancongan kesihatan di sebuah negara.
Pada pandangan anda, apakah ciri-ciri perkhidmatan pelancongan kesihatan yang menjadi pilihan keluarga anda?
[3 markah]

6. Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Terdapat pelbagai kelebihan yang boleh didapati melalui pembelajaran secara digital. Yang pasti, melalui kaedah ini pelajar dapat mengikuti proses pembelajaran secara fleksibel tanpa terikat dengan waktu pembelajaran konvensional. Melalui kaedah ini juga pelajar boleh melakukan perbincangan pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja tanpa perlu bersempena dan duduk setempat. Selain itu, melalui pembelajaran secara digital, pelajar dapat menggunakan e-buku yang boleh dimuat turun secara langsung. Melalui e-buku ini, pelajar juga dapat menjimatkan kos pembelian buku serta dapat mengurangkan pembaziran bahan bacaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Lonjakan Digital Dalam Pendidikan'
oleh Siti Rohana Nordin,
Dewan Siswa, Bil. 07/2022

Bahan 2

Pembelajaran dalam talian banyak membantu dalam memudahkan urusan seharian kita. Pelajar tidak hanya tertumpu kepada sesi pengajaran bersama guru, malah mampu *mendapatkan ilmu* tambahan daripada pelbagai sumber daripada Internet. Pelbagai video pengajaran dimuat naik dalam talian seperti *Youtube* yang boleh memberi manfaat kepada semua orang. Hal ini menunjukkan bahawa kemudahan melayari pelbagai media massa dan media sosial hanya di hujung jari. Selain itu, bagi pelajar yang lemah dalam penguasaan bahasa Inggeris, mereka boleh menggunakan khidmat guru dari luar negara melalui aplikasi di media sosial. Dengan kaedah ini, pelajar akan dapat meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan memperbaiki sebutan dengan betul.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Teknologi Digital Pemacu Utama Luas Penyebaran Ilmu'
oleh Aiman Sadiq,
<https://www.getaran.my/25/2/2022>

[Lihat halaman sebelah]

I 103/2 @2022 Hak Cipta Kemudi Bahasa

SULIT

SULIT

6

1103/2

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *mendapatkan ilmu*. [2 markah]
- (ii) Dengan merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan beberapa kelebihan pembelajaran secara digital kepada pelajar. [3 markah]
- (iii) Penggunaan Internet merupakan perkara biasa pada zaman teknologi ini. Namun begitu, penggunaan yang berlebihan akan mendatangkan pelbagai kesan buruk.
Pada pendapat anda, apakah kesan buruk penggunaan Internet dalam kalangan pelajar? [4 markah]
- (iv) Penyebaran berita palsu atau fitnah semakin berleluasa pada akhir-akhir ini. Perkara sedemikian bukan sahaja mudah diakses oleh semua orang malah boleh disebarkan dengan sekelip mata. Isu penyebaran berita palsu ini perlu dihentikan kerana bukan sahaja merosakkan maruah seseorang malah membahayakan keselamatan individu.
Sebagai seorang pelajar yang sering menggunakan Internet, apakah langkah yang perlu diambil bagi memastikan penyebaran berita atau maklumat palsu ini dapat dibendung? [4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Selain kefasihan bertutur bahasa Melayu, penampilan dan pembawaan diri masyarakat peranakan seperti Baba dan Nyonya juga seiras orang Melayu. Selain pengaruh persekitaran, hal ini terhasil daripada amalan perkahwinan campur yang lazim berlaku dengan masyarakat tempatan, terutamanya pada zaman dahulu. Persamaan ini menyemarakkan perasaan selesa dan keterbukaan antara masyarakat peranakan dengan masyarakat tempatan, terutamanya masyarakat Melayu. Malah, jika saling tidak mengenali, masyarakat umum yang berada di luar kawasan petempatan masyarakat peranakan mudah tersalah anggap bahawa orang peranakan sebagai orang Melayu.

Kefasihan dan kepetahan berbahasa Melayu dalam masyarakat peranakan cukup tinggi sehingga mereka sering disalah anggap sebagai Melayu. Insiden ini lebih mudah berlaku apabila masyarakat peranakan berpindah keluar dari negeri asal ke negeri lain untuk pekerjaan, pengajian, ataupun mendirikan kehidupan baharu. Dalam kalangan masyarakat peranakan, kedengaran cerita wanita peranakan ditegur kerana tidak menutup aurat, terutamanya rambut, manakala lelaki peranakan disoal kerana disyaki Muslim yang tidak berpuasa semasa bulan Ramadan.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahasa Melayu dalam Jati Diti Masyarakat Peranakan'
oleh Pue Giok Hun,
Laman Dewan Budaya

Bahan 2

Warga Bangladesh yang telah tinggal bekerja di negara Malaysia mampu berbahasa Melayu dengan baik walaupun terdapat jurang perbezaan antara bahasa Melayu dan bahasa Benggali. Usaha dalam mempelajari bahasa Melayu juga adalah disebabkan faktor kerja dan kelangsungan hidup di negara perantau. Kecekapan berbahasa Melayu dalam kalangan warganegara Bangladesh bukan menjadi suatu masalah bagi mereka. Selain faktor desakan kerja, perkara ini juga turut dibantu oleh faktor persekitaran mereka disebabkan oleh asimilasi budaya Malaysia.

Walaupun penggunaan bahasa Melayu yang digunakan tidak menepati ciri-ciri bahasa yang standard tetapi mereka menggunakan bahasa atau perkataan yang ringkas dan mudah difahami oleh warga tempatan khususnya. Meskipun warga Bangladesh menggunakan bahasa Melayu sebagai *medium komunikasi* utama, kecekapan membaca dan menulis juga diambil kira untuk memenuhi sebahagian keperluan hidup mereka di negara Malaysia.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kajian Persepsi Kecekapan Berbahasa Melayu dalam Kalangan
Warga Asing Bangladesh yang Terlibat dalam Sektor Perniagaan'
oleh Syed Abdul Razak Sayed Mahadi, Ain Shafiqah Mohd Nizan, Azhar Ab Wahab
dalam *International Journal of Modern Language and Applied Linguistics*
Universiti Malaya dan Universiti Teknologi Mara

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *medium komunikasi*. [2 markah]
- (ii) Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, selain pengaruh persekitaran, nyatakan faktor bahasa Melayu mudah dikuasai oleh masyarakat yang bukan berbangsa Melayu. [3 markah]
- (iii) Kini, lebih 300 ribu orang pendatang asing dari Bangladesh telah memenuhi kuota pekerjaan di Malaysia dalam pelbagai sektor seperti perniagaan, perkilangan, perladangan, dan pembinaan. Pada pendapat anda, apakah kesan-kesannya terhadap negara kita? [3 markah]
- (iv) Keunikan masyarakat Baba dan Nyonya adalah dari segi bahasa, makanan, dan budaya yang mirip dengan masyarakat Melayu walaupun mereka berasal daripada suku kaum Cina. Oleh hal yang demikian, Persatuan Bahasa Melayu sekolah anda telah merancang untuk mengadakan lawatan ke Melaka yang terkenal dengan masyarakat Baba dan Nyonya. Sebagai pengerusi Persatuan Bahasa Melayu, apakah tindakan anda untuk memastikan program yang dirancang ini berjaya dilaksanakan? [4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 markah]

- 6 Baca **Bahan 1** dan **Bahan 2** yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan bandar bukanlah satu masalah baharu yang kita hadapi pada masa ini. Banyak kejadian banjir kilat berlaku tanpa sebarang amaran menyebabkan masyarakat terpaksa menanggung kerugian apabila tidak dapat menyelamatkan harta benda mereka kerana kejadian tersebut berlaku dengan cepat.

Pensyarah Pengurusan Persekitaran, Fakulti Pengurusan Teknologi dan Perniagaan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Prof. Madya Dr. Haryati Shafii berkata, sejak belakangan ini, trend kejadian banjir kilat terutamanya di kawasan bandar semakin menunjukkan peningkatan. Menurutnya, hujan yang lebat, kawasan pembangunan padat, sistem saliran yang tidak diselenggara dengan baik serta masalah pencemaran longkang dan saliran dilihat menjadi penyumbang utama kepada masalah itu.

Walaupun banjir kilat biasanya cepat surut, namun kesannya mengakibatkan kerugian harta benda yang bukan sedikit. Bencana ini juga boleh *mengundang trauma* kepada mangsa terlibat.

Sumber : <https://www.kosmo.com.my>

1103/2_2022MPSMPahang

7

[Lihat halaman sebelah
SULIT

SULIT

1103/2

Bahan 2

Tanah runtuh merupakan salah satu bencana alam yang sering berlaku sama ada secara semula jadi atau akibat aktiviti manusia. Kejadian tanah runtuh yang disebabkan oleh aktiviti manusia ialah penarahan kawasan bukit untuk pembinaan lebuh raya, aktiviti perlombongan dan pembalakan haram. Proses kejadian tanah runtuh melibatkan gelongsoran tanah atau pergerakan tanah yang tidak stabil dan berlaku secara pantas oleh tarikan graviti. Pergerakannya adalah dari kawasan tinggi ke kawasan rendah, iaitu mengikuti cerun akibat tindak balas terhadap graviti.

Terdapat beberapa tanda sebelum berlakunya tanah runtuh seperti munculnya mata air atau tanah basah yang melampau yang tidak pernah terjadi, retakan baru atau pembengkakan tanah, jalan atau kaki lima, kebocoran paip air dan pintu atau tingkap rumah yang tidak dapat ditutup dengan rapat. Sekiranya terdapat tanda-tanda yang mencurigakan, penduduk di kawasan berbukit haruslah mengambil tindakan berjaga-jaga.

Sumber : <http://www.ukm.my>

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, nyatakan maksud rangkai kata *mengundang trauma*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah faktor yang menyebabkan berlakunya bencana alam seperti banjir kilat dan tanah runtuh? [3 markah]
- iii. Kejadian bencana alam seperti banjir sering kali berlaku di negara kita.
Pada pendapat anda, apakah persediaan-persediaan yang perlu dilakukan pihak berkuasa untuk menghadapi fenomena tersebut? [3 markah]
- iv. Rakan anda telah terlibat dengan kejadian banjir di Selangor baru-baru ini. Banyak kelengkapan rumahnya telah musnah. Seorang adiknya telah meninggal dunia dalam kejadian tersebut menyebabkan dia trauma.
Sebagai rakan yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda lakukan untuk membantunya mengatasi trauma yang dialami? [4 markah]

1103/2_2022MPSMPahang

8

[Lihat halaman sebelah
SULIT

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

[Masa dicadangkan : 60 minit]

6. Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Peranan jurusolek kesan khas ini jauh berbeza daripada jurusolek biasa. Hal ini dikatakan demikian kerana jurusolek kesan khas mengambil masa yang panjang untuk melukis wajah atau membentuk tubuh pelakon agar kesan yang diinginkan *tampak semula jadi*. Jurusolek kesan khas memerlukan semua kemahiran dan kebolehan yang sama seperti jurusolek biasa. Contohnya latar belakang pendidikan dalam bidang kosmetologi sama ada pada peringkat sijil ataupun diploma daripada institusi pendidikan seperti kolej vokasional, kolej komuniti ataupun institusi pendidikan swasta yang menawarkan bidang tersebut. Kerjaya ini juga memerlukan pendidikan dalam penghasilan bahan seperti getah dan darah palsu yang akan digunakan untuk membuat prostetik. Oleh itu, jurusolek kesan khas perlu meningkatkan kepakaran mereka di samping cakna akan perkembangan terkini dunia persolekan. Kualiti perkhidmatan jurusolek kesan khas juga harus ditingkatkan selaras dengan trend dan perkembangan semasa.

Dipetik dan diubah suai daripada

'Solekan Ubah Wajah'

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5 KPM

Bahan 2

Kerjaya jurusolek mungkin nampak mudah bagi seseorang. Namun begitu, tidak ramai yang mengetahui selain bakat seni, seseorang jurusolek perlu mendalami bidang ini dengan ilmu. Presiden Persatuan Jurusolek Bumiputera Malaysia (MBMUAA) Rosnawati Salleh berkata, perkhidmatan jurusolek belakangan ini menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan. Jurusolek perlu mengikuti beberapa langkah bagi memastikan kerjaya mereka berkembang ke arah yang lebih baik. Dalam menguruskan perniagaan, seseorang jurusolek perlu memiliki sistem pengiraan yang teratur membabitkan harga perkhidmatan ditolak dengan kos operasi. Jurusolek boleh memperoleh pendapatan yang lumayan jika mereka bijak untuk menguruskan perniagaan termasuk memasarkan perkhidmatan mereka. Seseorang yang mahu berjaya dalam bidang solekan ini juga perlu sentiasa mengemas kini kemahiran merias wajah. Rosnawati berkata, gaya dan juga aliran solekan sentiasa berubah selari dengan perkembangan fesyen semasa. Terdapat juga jurusolek yang menyertai pertandingan yang diadakan untuk mendapatkan pengiktirafan bakatnya.

Dipetik dan diubah suai daripada

Tiga tip untuk berjaya sebagai jurusolek

oleh Amman Hibrabrahim

<http://www.xtra.com.my> Disember 2020

TERHAD

1103/2

TERHAD

6

1103/2 (Set 1)

- i. Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud *tampak semula jadi*.
[2 markah]
- ii. Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, kemukakan langkah-langkah untuk menjadi jurusolek yang berjaya.
[3 markah]
- iii. Kerjaya jurusolek kesan khas sangat diperlukan dalam industri perfileman ketika ini. Pada pendapat anda, mengapakah jurusolek kesan khas amat diperlukan dalam menghasilkan filem seram dan filem aksi?
[3 markah]
- iv. Setelah tamat alam persekolahan, rakan anda ingin menjadi jurusolek profesional. Namun ibu bapa rakan anda tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Sebagai sahabat, cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk membuktikan kepada ibu bapanya bahawa kerjaya tersebut mempunyai masa hadapan yang cerah.
[4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN

[35 Markah]

[Masa dicadangkan : 60 minit]

- 6 Baca bahan-bahan yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

PERANAN GURU

- Memasukkan elemen kreativiti dan humor dalam pengajaran sejarah.
- Membuat aktiviti-aktiviti pembelajaran sejarah yang menyeronokkan seperti lakonan, 'Gallery Walk', kajian lapangan dan sebagainya.
- Membawa pelajar-pelajar melawat muzium sejarah.

Kepentingan mempelajari Sejarah

- Dapat memupuk semangat cinta akan negara.
- Mengenal jasa tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan negara.
- Peristiwa dalam sejarah dapat dijadikan teladan.

Bahan 2

Pada masa ini, mata pelajaran Sejarah bukan lagi suatu mata pelajaran yang asing kepada murid-murid. Sejak sekolah rendah mereka sudah mempelajari mata pelajaran ini. Walau bagaimanapun terdapat murid yang beranggapan bahawa mata pelajaran sejarah susah dan membosankan sedangkan banyak faedah yang dapat diperolehi melalui mata pelajaran ini. Sejarah dapat mengelakkan diri kita daripada *mengulangi sesuatu kesilapan*. Banyak kesilapan manusia berlaku kerana tidak mengambil iktibar daripada sejarah. Kesilapan yang kita lakukan sepatutnya menjadi pengajaran. Selain itu, sejarah menjadi mekanisme utama dalam pembinaan negara bangsa. Martabat sejarah perlu diangkat untuk membentuk keperibadian rakyat. Mata pelajaran Sejarah berperanan sebagai alat untuk mendidik rakyat agar menyayangi negara yang tercinta ini. Melalui sejarah, rakyat akan lebih memahami bahawa terdapat perlembagaan dan undang-undang dalam pembentukan negara ini. Oleh hal yang demikian mereka tidak akan bertindak sesuka hati dalam melakukan sesuatu perkara.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kepentingan Mempelajari Sejarah'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4 KPM

- Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud *mengulangi sesuatu kesilapan*. [2 markah]
- Merujuk **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan kebaikan-kebaikan mempelajari mata pelajaran Sejarah. [3 markah]
- Menurut Profesor Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria bin Ghazali, dalam usaha ke arah mewujudkan negara yang kuat, teguh dan makmur, pengalaman sejarah Malaysia wajar diambil teladan.
Pada pendapat anda, apakah tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menarik minat murid mempelajari sejarah? [3 markah]
- Mata pelajaran Sejarah telah diwajibkan lulus bagi semua calon Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) mulai tahun 2013. Ramai rakan anda telah gagal mata pelajaran Sejarah dalam peperiksaan pertengahan tahun baru-baru ini.
Sebagai rakan yang prihatin, apakah langkah-langkah yang perlu anda lakukan untuk membantu rakan anda agar lulus dalam mata pelajaran Sejarah bagi melayakkan mereka memperoleh sijil SPM? [4 markah]

6. Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Sabun tahun media massa melaporkan pelbagai kes disiplin di sekolah termasuklah kes buli atau kecelaruan tingkah laku. Kejadian buli yang semakin membarah ini memberikan kesan kesihatan fizikal dan psikologi terhadap mereka yang dibuli, malah dalam sesetengah kes turut melibatkan kematian.

Senario kes-kes buli di sekolah jelas menunjukkan bahawa tingkah laku buli dan gengsterisme berupa perlakuan ganas dan agresif yang melibatkan aspek psikologi, fizikal, dan lisan yang dilakukan secara individu atau berkumpulan terhadap pihak atau individu yang lemah.

Buli dipercayai mempunyai perkaitan dengan gabungan faktor persekitaran sosial seperti kurangnya kawalan ibu bapa dan kurangnya kasih sayang. Selain itu, aspek psikologi yang berkaitan dengan gangguan mental, iaitu ingin mencari keseronokan dan mencapai kepuasan dengan membuli orang lain. Faktor lain yang turut mendorong perlakuan buli ialah pengaruh media massa yang sering memaparkan aksi ganas.

(Dipetik dan diubah suai daripada
*Menangani Kes Buli di Sekolah, oleh Samat Buang,
Bil.9,Dewan Siswa)

Bahan 2



(Sumber: Internet)

- (i) Berdasarkan bahan 1, nyatakan dua jenis buli yang sering dilakukan secara individu atau berkumpulan. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan semua bahan, apakah faktor-faktor yang menyebabkan gejala buli berlaku? [3 markah]
- (iii) Masyarakat berasa bimbang tentang gejala buli yang berlaku baik di sekolah harian biasa mahupun di sekolah berasrama penuh.
Pada pendapat anda,apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan oleh pihak sekolah untuk menangani gejala buli? [4 markah]
- (iv) Rakan anda telah beberapa kali menjadi mangsa buli kumpulan senior di sekolah. Rakan anda diperas ugut untuk memberikan sejumlah wang kepada kumpulan mereka. Jika rakan anda tidak memberi wang tersebut, rakan anda dipukul dan dihina oleh mereka.
Sebagai rakan, cadangkan tindakan-tindakan yang wajar diambil oleh rakan anda untuk mengatasi masalah tersebut? [4 markah]

6. Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal, bukanlah perasaan sedih yang biasa. Kemurungan merupakan penyakit perubatan yang melibatkan perasaan sedih yang berpanjangan serta menjejaskan fungsi harian seseorang individu. Penyakit kemurungan telah dikenal pasti oleh World Health Organization (WHO) sebagai penyakit keempat terbesar yang menyumbang kepada penyakit global (*global disability*) yang dialami oleh manusia di seluruh dunia pada ketika ini. Di Malaysia, kadar penyakit ini adalah sebanyak dua peratus dalam kalangan masyarakat. Penyakit kemurungan adalah berbeza daripada kesedihan biasa. Perasaan sedih dalam diri manusia adalah normal. Walau bagaimanapun, seseorang individu tidak boleh *memandang enteng* jika perasaan sedih tersebut berterusan dan mula menjejaskan rutin harian. Perasaan sedih sepanjang hari dan hampir setiap hari dalam tempoh dua minggu serta perasaan tidak bersemangat atau tidak berminat melakukan aktiviti yang disukai sememangnya merupakan tanda awal penyakit ini. Selain itu, pesakit kemurungan juga akan berhadapan dengan kesukaran untuk tidur. Pesakit ini juga selalu berasa letih dan kurang selesa. Rawatan awal dapat membantu seseorang individu untuk sembuh dengan lebih cepat serta kembali menjalani kehidupan yang berkualiti.

(Dipetik dan diubah suai daripada
'Gejala Kemurungan: Kesedihan Biasa atau Penyakit?',
oleh Firdaus Abdul Ghani,
astroawani.com, 22 Januari 2019)

Bahan 2



4

(Sumber: Laman sesawang Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia)

- (i) Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud *memandang enteng*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan semua bahan, apakah tanda-tanda awal kemurungan? [3 markah]
- (iii) Kesedaran tentang penyakit kemurungan dalam kalangan masyarakat di negara kita masih lagi rendah.
Pada pendapat anda, apakah kaedah-kaedah yang dapat dilakukan oleh pihak kerajaan untuk memastikan masyarakat di negara kita memiliki kesedaran tentang penyakit kemurungan? [3 markah]
- (iv) Seorang daripada rakan sekolah anda berhadapan dengan masalah kemurungan. Masalah ini telah menjejaskan aktiviti harian dan prestasi rakan anda sebagai seorang murid sekolah.
Sebagai seorang rakan yang prihatin dan bertanggungjawab, nyatakan tindakan-tindakan yang dapat anda lakukan untuk meringankan masalah yang dihadapi oleh rakan anda. [4 markah]